



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - ISNIN, 30 JUN 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM TERUS BERI KHIDMAT KAUNSELING PULIHKAN SEMANGAT MANGSA NAHAS BAS DI GERIK		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1235204/kpwkm-terus-beri-khidmat-kaunseling-pulihkan-semangat-mangsa-nahas-bas-di?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1413701/mangsa-keluarga-nahas-bas-upsi-terus-dberi-kaunseling?source=widget	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/06/29/nahas-upsi-mangsa-keluarga-terima-kaunseling-berterusan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/06/29/upsi-bus-crash-survivors-to-get-oku-card-says-noraini	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/29/mangsa-nahas-bas-upsi-alami-cacat-kekal-diberi-kad-oku/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/nahas-penuntut-upsi-masih-ada-mangsa-keluarga-trauma/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.scoop.my/news/262480/upsi-bus-crash-survivors-with-permanent-injuries-to-receive-pwd-cards-noraini/	SCOOP.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2439347	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/736196/berita/nasional/jkm-bantu-pelajar-upsi-alami-kecacatan-kekal-mohon-kad-oku	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/06/29/jkm-bantu-pelajar-upsi-alami-kecacatan-kekal-mohon-kad-oku/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/06/29/upsi-bus-crash-survivors-to-get-oku-card-says-noraini	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/jkm-helps-upsi-crash-victims-apply-for-oku-disability-cards-BB14374072	THESUN.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=dioWyPdMSb0	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	SST TIDAK BEBANI YURAN TASKA DAN TADIKA SWASTA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sst-tidak-bebani-yuran-taska-dan-tadika-swasta	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peluasan-sst-tidak-beri-kesan-besar-kepada-ibu-bapa-hantar-anak-ke-institusi-swasta-527262	ASTROAWANI.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/06/1237673/sst-expansion-no-big-impact-parents-sending-children-private	NST.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2439438	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/29/expanded-sst-will-not-affect-most-parents-with-kids-at-private-kindergartens	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2439435	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1235369/peluasan-sst-tak-beri-kesan-besar-ibu-bapa-hantar-anak-ke-institusi-swasta?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/peluasan-sst-tiada-kesan-besar-pada-ibu-bapa-hantar-anak-ke-institusi-swasta-PB14375903	THESUN.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1413846/peluasan-sst-tak-beri-kesan-signifikan-kepada-ibu-bapa-hantar-anak	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/29/sst-pengusaha-taska-swasta-diminta-tidak-naik-yuran-terlalu-tinggi/	KOSMO.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/sst-expansion-on-private-kindergartens-has-minimal-impact-on-parents-BB14375985	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SELANGOR ANJUR KONVENSYEN WANITA SELANGOR 2025: MEMPERKASA POTENSI & KAPASITI EKONOMI WANITA		POSITIF
	https://harapandaily.com/2025/06/29/selangor-anjur-konvensyen-wanita-selangor-2025-memperkasa-potensi-kapasiti-ekonomi-wanita/	HARAPANDAILY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PROGRAM ANJUNG SINAR LAHIR IKON BELIA, BANTU BINA MASA DEPAN CEMERLANG		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/program-anjung-sinar-lahir-ikon-belia,-bantu-bina-masa-depan-cemerlang	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	STUDY REVEALS MENTAL HEALTH STRUGGLES AMONG KELANTAN FATHERS		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/06/1237480/study-reveals-mental-health-struggles-among-kelantan-fathers	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	WANITA BERI TEMAN LELAKI ROGOL ANAK DITAHAN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/06/1413703/wanita-beri-teman-lelaki-rogol-anak-ditahan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/29/man-and-girlfriend-detained-over-teen039s-rape	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	WANITA DERA ANAK ANGKAT DITAHAN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/29/wanita-dera-anak-angkat-ditahan/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/06/29/wanita-dera-anak-angkat-ditahan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/736215/berita/semasa/kanak-kanak-perempuan-dipercayai-didera-ibu-angkat	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/jenayah_mahkamah/news.php?id=2439448	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/6/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BUDAK 11 TAHUN DIPERCAYAI DIPUKUL BAPA KERANA BERBOHONG		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1235346/buda-k-11-tahun-dipercayai-dipukul-bapa-kerana-berbohong	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2439421	BERNAMA.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=1HzVy1wUwXU	YOUTUBE	
	https://thesun.my/cerita/berita/kanak-kanak-lelaki-11-tahun-cedera-dipercayai-dipukul-bapa-di-melaka-CB14375337	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/kanakkanak-lelaki-11-tahun-cedera-dipercayai-dipukul-bapa-x9m2mw4	ASTROAWANI.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/06/29/polis-siasat-kes-bapa-pukul-anak-marah-buat-air-kopi-suam/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.malysiakini.com/news/747537	MALYSIAKINI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	POLIS GIAT KENAL PASTI IBU BUANG BAYI DALAM BEG PLASTIK DI TEPI JALAN		NEUTRAL
	https://www.buletintv3.my/nasional/polis-giat-kenal-pasti-ibu-buang-bayi-dalam-beg-plastik-di-tepi-jalan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/06/1413760/individu-buang-bayi-berhampiran-masjid-giat-dikesan	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JKM HELPING PERMANENTLY DISABLED UPSI CRASH VICTIMS GET BENEFITS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 30 JUN 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

JKM helping permanently disabled UPSI crash victims get benefits

KEPALA BATAS: The Social Welfare Department (JKM) is assisting Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) students who sustained permanent disabilities in a recent bus crash by processing their applications for a Person with Disabilities card.

Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Noraini

Ahmad said the ministry is compiling details of students who suffered long-term injuries in the June 9 incident, reaching out to them and extending support.

"The exact number of affected students is still being gathered as we are awaiting medical assessments," she told reporters here yesterday.

Noraini, who is also Wanita

Umno chief, was speaking after officiating the Kepala Batas Wanita, Youth and Puteri division delegates meeting, which was also attended by Kepala Batas Umno chief and Bertam assemblyman Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

She said counselling sessions are ongoing for survivors and families of those who died, includ-

ing the family in the car involved in the crash, as many of them remain traumatised.

"Ongoing psychological support is crucial, especially for those grieving the loss of loved ones. I visited the family who were in the car on Saturday, and they are still affected (by the accident)," she said, Bernama reported.

The accident occurred at KM53

of the East-West Highway near Tasik Banded, Gerik, when a chartered bus carrying UPSI students from Jertih, Terengganu, to the Tanjung Malim campus overturned.

Fifteen students were killed, while 33 others, including the bus driver and co-driver, as well as the driver and three passengers of the car, were injured.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : UPSI STUDENTS HURT IN CRASH GET PWD CARDS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 30 JUN 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Upsi students hurt in crash get PwD cards

KEPALA BATAS: The Social Welfare Department is helping Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi) students who suffered permanent disabilities in a recent bus crash by processing their applications for Persons with Disabilities (PwD) cards.

Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Noraini Ahmad said the ministry is compiling details of students who suffered long-term injuries in the June 9 crash, reaching out to them and extending related support.

"The exact number of affected students is still being gathered as we are awaiting for their medical assessments," she told reporters yesterday.

Noraini, who is also Umno Wanita chief, was speaking after officiating the Kepala Batas Umno Wanita, Youth and Puteri division delegates meeting, which was also attended by Kepala Batas Umno chief and Bertam assemblyman Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

She said counselling sessions are ongoing for survivors and the families of those who died, including the family in the multipurpose vehicle (MPV) involved in the crash, as many are still traumatised by the tragedy.

"Ongoing psychological support is crucial, especially for those grieving the loss of their loved ones. I visited a family yesterday and they are still visibly affected."

The crash occurred at Km53 of the Gerik-Jeli East-West Highway near Tasik Banding in Gerik, when a chartered bus carrying the Upsi students from Jertih, Terengganu to the Tanjung Malim campus rear-ended the MPV and overturned.

Fifteen students were killed, while 33 others, including the bus driver and co-driver, as well as the driver and three passengers of the MPV were injured. – Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JKM ASSISTS PERMANENTLY DISABLED UPSI STUDENT IN OKU CARD APPLICATION

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 30 JUN 2025

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

JKM assists permanently disabled UPSI student in OKU card application

KEPALA BATAS: The Social Welfare Department (JKM) is assisting Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) students who sustained permanent disabilities in a recent bus crash by processing their applications for a Person with Disabilities (PWD) card.

Deputy Women, Family and

Community Development Minister Datuk Seri Noraini Ahmad said the ministry is compiling details of students who suffered long-term injuries in the June 9 incident, reaching out to them and extending related support.

The exact number of affected students is still being gathered

as we are awaiting medical assessments," she told reporters on Sunday.

Noraini, who is also Umno Women chief, was speaking after officiating the Kepala Batas Umno Women, Youth and Puteri Division delegates meeting, which was also attended by Kepala Batas Umno chief and

Bertam assemblyman Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

She said counselling sessions are ongoing for survivors and the families of those who died, including the family in the Perodua Alza involved in the crash, as many remain traumatised.

"Ongoing psychological support is crucial, especially for those grieving the loss of loved ones. I visited the Alza family yesterday and they are still visibly affected," she said.

The accident occurred at KMS3 of the East-West Highway near Tasik Banding, Gerik, when a

chartered bus carrying UPSI students from Jerih, Terengganu to the Tanjung Malim campus overturned.

Fifteen students were killed, while 33 others, including the bus driver and co-driver, as well as the driver and three passengers of the Alza, were injured. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TRAUMA PELAJAR UPSI BELUM PULIH

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 30 JUN 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Trauma pelajar UPSI belum pulih

Tasek Gelugor: Masih ada mangsa nahas yang mengorbankan 15 pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) di Gerik, Perak, pada 9 Jun lalu mengalami trauma.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, pihaknya akan terus memberikan khidmat kaunseling kepada mangsa termasuk keluarga.

Katanya, ia termasuk pasangan guru dan dua anak mereka yang menaiki Perodua Alza yang lawatan diadakan di rumah di Kedah semalam mendapati empat sekeluarga itu trauma mengingati kejadian terbabit.

"Semalam (kelmarin) saya lawat mangsa (yang menaiki) Perodua Alza (pasangan guru) di rumah mereka dan dapati masih trauma dengan kejadian ini.

"Kami (melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat) akan terus memberikan kaunseling termasuk kepada penumpang bas dan keluarga mereka," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Wanita, Pergerakan Pe-

muda dan Puteri Umno Bahagian Kepala Batas di Kubang Menerong di sini, semalam.

Noraini berkata, JKM juga dalam proses mengumpulkan data mangsa yang mengalami kecacatan kekal untuk mengeluarkan kad orang kurang upaya (OKU) serta bantuan berkaitan.

"Seperti yang saya maklumkan (sebelum ini) bagi mereka yang mungkin ada cacat kekal, JKM sedang kumpul data dan buat tindakan lanjut.

"Kami perlu mendapatkan maklum balas daripada pihak doktor terlebih dahulu sebelum proses pengeluaran kad OKU dapat dilaksanakan," katanya.

Pada 9 Jun lalu, negara dikejutkan dengan tragedi kemalangan melibatkan bas yang membawa pelajar UPSI terbabit dalam nahas di JRTB di Gerik, Perak.

Tragedi berkenaan meragut 15 nyawa pelajar UPSI, manakala 29 lagi cedera, menjadikan keseluruhan mangsa seramai 44 orang.

Daripada jumlah itu, 13 mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi, manakala dua lagi meninggal dunia ketika menerima rawatan di hospital.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM terus beri khidmat kaunseling pulihkan semangat mangsa nahas bas di Gerik

Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my



NORAINI Ahmad berucap ketika hadir merasmikan Mesyuarat Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Kepala Batas di MidTown Perda Kubang Menerong. FOTO Danial Saad

Tasek Gelugor: Masih ada mangsa nahas yang mengorbankan 15 pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) di Gerik, Perak, pada 9 Jun lalu mengalami trauma.

Sehubungan itu Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata pihaknya akan terus memberikan khidmat kaunseling kepada mangsa termasuk keluarga.

Katanya, ia termasuk pasangan guru dan dua anak mereka yang menaiki Perodua Alza yang lawatan diadakan di rumah di Kedah semalam mendapati empat sekeluarga itu trauma mengingat kejadian terbabit.

"Semalam, saya lawat mangsa (yang menaiki) Perodua Alza (pasangan guru) di rumah mereka dan dapati masih trauma dengan kejadian ini.

"Kita (melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat) akan terus memberikan kaunseling termasuk kepada penumpang bas dan keluarga mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Wanita, Pergerakan Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Kepala Batas di Kubang Menerong di sini, hari ini.

Noraini berkata, JKM juga sedang dalam proses mengumpulkan data mangsa yang mengalami kecacatan kekal untuk mengeluarkan kad Orang Kurang Upaya (OKU) serta bantuan berkaitan.

"Seperti yang saya maklumkan (sebelum ini) bagi mereka yang mungkin ada cacat kekal, JKM sedang kumpul data dan buat tindakan lanjut.

"Kita perlu mendapatkan maklum balas daripada pihak doktor terlebih dahulu sebelum proses pengeluaran kad OKU dapat dilaksanakan," katanya.

Pada 9 Jun lalu, negara dikejutkan dengan tragedi kemalangan membabitkan bas yang membawa pelajar UPSI terbabit dalam nahas di JRTB di Gerik, Perak

Tragedi berkenaan telah meragut 15 nyawa pelajar UPSI, manakala 29 lagi cedera, menjadikan keseluruhan mangsa seramai 44 orang.

Daripada jumlah itu, 13 mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi, manakala dua lagi meninggal dunia ketika menerima rawatan di hospital.

Kemalangan dipercayai berlaku apabila bas berkenaan melanggar bahagian belakang Perodua Alza dinaiki sepasang suami isteri guru sebelum hilang kawalan dan terbabas.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SST tidak bebani yuran taska dan tadika swasta

Nasional - Dicipta: 29 Jun 2025 10:55 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri / Foto Bernama

KUALA LANGAT, 29 Jun – Pelaksanaan peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bermula 1 Julai ini tidak memberi kesan ketara kepada ibu bapa yang menghantar anak ke institusi pendidikan awal swasta seperti taska, tadika dan prasekolah.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menjelaskan Cukai Perkhidmatan (CP) hanya dikenakan kepada institusi yang mengenakan yuran pengajian melebihi RM60,000 setahun bagi seorang pelajar.

“Ini lebih kepada mereka yang menghantar ke institusi swasta. Bermakna mereka ini mampu. Orang ramai tidak perlu gusar kerana setakat ini, difahamkan kebanyakan institusi tidak mengenakan caj setinggi itu,” katanya.



Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Apresiasi dan Penghargaan Rakan Strategik Program Anjung Sinar 2025 di Pulau Carey, di sini.

Dalam masa yang sama, beliau turut mengingatkan pengusaha institusi pendidikan swasta agar tidak mengambil kesempatan daripada peluasan dasar percukaian yang bertujuan memperkukuh kedudukan fiskal negara.

“Kita harap para pengusaha melaksanakan tanggungjawab mereka secara jujur dan tidak mengenakan caj berlebihan sehingga membebaskan ibu bapa,” tegas beliau.

Menurut Datuk Seri Nancy, kerajaan sentiasa mengambil kira keperluan rakyat terutama golongan ibu bapa muda yang memerlukan sokongan dalam pendidikan awal anak-anak.

CP sebanyak enam peratus yang bakal dilaksanakan itu turut melibatkan perkhidmatan pendidikan termasuk prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah swasta, namun tidak akan dikenakan kepada pelajar orang kurang upaya (OKU) warganegara Malaysia.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program Anjung Sinar lahir ikon belia, bantu bina masa depan cemerlang

Nasional - Dicipta: 29 Jun 2025 10:40 PM



Datuk Seri Nancy Shukri (enam, kiri) bergambar bersama Ikon Anjung Sinar Tahun 2025 / Foto Bernama

KUALA LANGAT, 29 Jun – Program Anjung Sinar anjuran Yayasan Kebajikan Negara (YKN) terus menunjukkan keberkesannya apabila berjaya melahirkan lima ikon tahun ini, masing-masing mewakili kategori Pendidikan, Kepimpinan, Komuniti, Kerjaya dan Sukarelawan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN, Datuk Seri Nancy Shukri menegaskan Anjung Sinar bukan sekadar inisiatif jangka pendek tetapi merupakan ekosistem sokongan jangka panjang bagi anak-anak lepasan institusi di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Program ini diwujudkan kerana apabila mereka mencecah usia 18 tahun, secara undang-undang kita tidak lagi boleh melindungi mereka. Namun begitu, kami tetap memastikan perlindungan berterusan melalui Anjung Sinar, tempat selamat untuk mereka membina masa depan," katanya ketika berucap pada Majlis Apresiasi dan Penghargaan Rakan Strategik Program Anjung Sinar 2025, di sini hari ini.

Sejak mula dilaksanakan pada 2023, seramai 615 peserta telah menerima manfaat daripada program tersebut.

Sebahagian daripada mereka yang kini berusia antara 20 hingga 21 tahun turut kembali untuk membantu peserta baharu.

"Ada antara mereka yang tidak dapat hadir kerana sedang bekerja, termasuk yang berada di Sarawak. Tetapi hubungan dengan mereka tidak pernah terputus – kami pastikan mereka terus dalam keadaan terpelihara," ujarnya.

Program tersebut dijalankan melalui tiga fasa iaitu Transisi, Transformasi dan Integrasi.

Bagi tahun ini, seramai 128 peserta dari 24 institusi JKJ menyertai Boot Camp Transisi Dinamik selama empat hari di Pulau Carey.

Dalam ucapannya, beliau turut merakamkan penghargaan kepada agensi-agensi strategik seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas sokongan dalam bentuk latihan, pendidikan serta bimbingan kerjaya.

"Ada peserta yang pada awalnya tidak tahu mahu ke mana. Tetapi melalui program ini, mereka didedahkan kepada pelbagai peluang termasuk minat menjadi pegawai tadbir diplomatik (PTD), melanjutkan pengajian dalam jurusan sains sosial dan banyak lagi. Program ini membuka minda mereka," tambahnya.

Datuk Seri Nancy turut menyeru lebih banyak penyertaan daripada sektor korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk sama-sama memperkasa golongan belia lepasan institusi kebajikan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Study reveals mental health struggles among Kelantan fathers



By Sharifah Mahsinah Abdullah - June 29, 2025 @ 2:09pm



Kota Lama assemblyman Dr Hafidzah Mustaqim said the findings showed that nearly a quarter (23.7 per cent) of fathers faced mental wellbeing issues, while 2.2 per cent admitted to having thoughts of self-harm or harming family members due to stress. - NSTP/Sharifah Mahsinah Abdullah

KOTA BARU: A recent study by the Kelantan National Population and Family Development Board (LPPKN) has revealed concerning mental health trends among fathers in the state.

Kota Lama assemblyman Dr Hafidzah Mustaqim said the findings showed that nearly a quarter (23.7 per cent) of fathers faced mental wellbeing issues, while 2.2 per cent admitted to having thoughts of self-harm or harming family members due to stress.

"These figures remind us that fathers are human, too. They need space, support, and recognition," she said at the state-level Father's Day celebration.

The study identified the top three challenges faced by fathers in Kelantan as the high cost of living (84.4 per cent), difficulty balancing work and family life (72.9 per cent) and financial issues (68.3 per cent).

Despite these challenges, Dr Hafidzah noted a positive trend – most fathers remain committed to their families and are willing to share household responsibilities with their spouses.

"This proves that strong cooperation between husband and wife is the foundation of a resilient household."

She added that the government is bolstering family support through Budget 2025 initiatives.

These include a RM13 billion allocated for the Rahmah Cash Contribution (STR) programme, benefiting nine million recipients and expansion of the Rahmah Basic Assistance (SARA) programme, with direct crediting to MyKad.

"The others are increasing the assistance rates for children, persons with disabilities and senior citizens," she added.

Dr Hafidzah called for continued focus on family wellbeing, especially in supporting fathers who are often under-recognised despite playing a vital role in the household.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : IBU MANGSA, TEMAN LELAKI DITAHAN POLIS

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 30 JUN 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

ANAK DINODA KEKASIH

Ibu mangsa, teman lelaki ditahan polis

Ampang: Seorang lelaki warga emas ditahan bersama teman wanitanya kerana disyaki merogol anak wanita itu yang berusia 13 tahun pada tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, siasatan awal mendapati ketika kejadian rogol itu disaksikan oleh ibu kandung mangsa sendiri.

Menurutnya, mangsa bertindak melarikan diri

dan melaporkan kepada polis selepas mendapat tahu perbualan antara ibunya yang mahu berjumpa dengan lelaki itu di sebuah hotel sekitar ibu negara.

"Perbualan itu menunjukkan niat teman lelaki ibunya mahu merogol dan dibenarkan oleh ibu mangsa sendiri.

"Hasil siasatan lanjut mendapati mangsa pernah dirogol oleh teman lelaki ibunya pada tahun lalu

yang disaksikan oleh ibunya sendiri," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, bertindak di atas maklumat itu sepasukan polis pada Jumaat lalu menahan ibu mangsa berusia 36 tahun yang bekerja sebagai pengawal keselamatan.

Katanya, teman lelaki wanita itu yang berusia 61 tahun dan merupakan seorang peniaga di Pandan In-

dah turut ditahan pada hari yang sama.

"Hasil ujian air kencing kedua suspek itu didapati negatif dadah dan semakan mendapati kedua mereka tiada rekod jenayah lampau.

"Kedua suspek direman selama tujuh hari bermula semalam (kelmarin) hingga 4 Julai bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan, "katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita beri teman lelaki rogol anak ditahan

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil - Jun 29, 2025 @ 2:39pm



AMPANG: Seorang warga emas ditahan bersama teman wanitanya kerana disyaki merogol anak wanita itu yang berusia 13 tahun, tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail, berkata siasatan mendapati kejadian rogol itu disaksikan ibu mangsa.

Menurutnya, mangsa melarikan diri dan melaporkan kepada polis selepas mendapat tahu perbualan antara ibunya yang mahu berjumpa dengan lelaki itu di sebuah hotel sekitar ibu negara.

"Perbualan itu menunjukkan niat teman lelaki ibunya mahu merogol dan dibenarkan oleh ibu mangsa sendiri.

"Hasil siasatan lanjut mendapati mangsa pernah dirogol teman lelaki ibunya pada 2024 yang disaksikan oleh ibunya sendiri," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, bertindak di atas maklumat, sepasukan polis menahan ibu mangsa berusia 36 tahun yang bekerja sebagai pengawal keselamatan kelmarin.

Katanya, teman lelaki wanita itu berusia 61 tahun yang merupakan seorang peniaga di sekitar Pandan Indah, di sini turut ditahan pada hari sama.

"Hasil ujian air kencing kedua-dua suspek negatif dadah dan semakan mendapati kedua-dua suspek tiada rekod jenayah lampau.

"Permohonan reman kedua-dua suspek dibenarkan selama tujuh hari bermula semalam hingga 4 Julai bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita dera anak angkat ditahan

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED 29 Jun 2025, 10:48 pm



Tangkap layar video tular keadaan kanak-kanak perempuan itu.

KUALA SELANGOR – Seorang wanita berusia 54 tahun ditahan polis kira-kira pukul 8.15 malam semalam bagi membantu siasatan kes dera remaja perempuan yang juga anak angkatnya di Taman Bendahara, di sini.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Azaharudin Tajudin berkata, pihaknya menerima laporan berkaitan penderaan dan pengabaian mangsa pukul 6.40 petang hari sama.

“Bertindak atas laporan itu, polis segera menjalankan siasatan lanjut. Kita kemudian menahan seorang wanita yang juga ibu angkat mangsa di Taman Bendahara. Remaja itu kini sedang menerima rawatan lanjut di Hospital Tanjong Karang,” katanya malam ini.

Azaharudin berkata, suspek wanita itu direman selama enam hari sehingga 4 Julai depan membantu siasatan dan kes diklasifikasikan mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

Beliau meminta kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat supaya menghubungi Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor di talian 03-3289 1222 atau balai polis berdekatan. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

Budak 11 tahun dipercayai dipukul bapa kerana berbohong

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Melaka: Seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun cedera di kepala serta lebam pada tangan kiri dipercayai dipukul bapanya di sebuah rumah di Taman Cheng Baru di sini pada Rabu lalu.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Christopher Patit berkata ibu mangsa berusia 38 tahun membuat laporan di Balai Polis Tanjung Minyak pada 9.11 malam tadi.

"Pengadu yang juga seorang guru tuisyen memaklumkan pada hari kejadian kira-kira 10.30 malam dia pulang ke rumah dan mendapati kepala anaknya telah berbalut.

"Suaminya mengatakan dia memukul mangsa kerana kanak-kanak itu didakwa berbohong," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Christopher berkata ibu mangsa bertindak membuat laporan polis untuk melindungi keselamatan anaknya dan bagi merujuk perkara itu kepada pihak berkuasa berkaitan.

Disiarkan pada: Jun 29, 2025 @ 8:16pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BAYI MASIH HIDUP DALAM BEG PLASTIK

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 30 JUN 2025

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Bayi masih hidup dalam beg plastik

Kuala Selangor: Bayi lelaki berusia kira-kira seminggu dan masih hidup ditemukan orang awam dalam beg plastik di tepi jalan berhampiran Masjid Jamiul Huda, Kampung Api-api, Bukit Rotan di sini, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Azaharudin Tajudin berkata, pihaknya menerima panggilan talian kecemasan MERS 999 berhubung penemuan itu pada jam 9.11 malam.

"Bayi terbabit matang dan cukup sifat dengan berat 2.135 kilogram serta berusia kira-kira seminggu. Tali pusatnya juga dalam keadaan sempurna," katanya ketika dihubungi.

Azaharudin berkata, bayi lelaki itu dihantar ke Hospital Tanjong Karang untuk tujuan pemeriksaan kesihatan.



Bayi terbabit matang dan cukup sifat dengan berat 2.135 kilogram serta berusia kira-kira seminggu. Tali pusatnya juga dalam keadaan sempurna"

Azaharudin

Menurutnya, polis membuka kertas siasatan berhubung kejadian itu mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor di talian 03-32891222 atau Pegawai Penyiasat Inspektor Siti Mazliah Azizi (017-6649100).



LOKASI penemuan bayi lelaki terbabit di tepi jalan berhampiran Masjid Jamiul Huda, Kampung Api-api, Bukit Rotan, Kuala Selangor.

Polis kenal pasti individu terbabit

Kuala Selangor: Polis sedang mengenal pasti individu yang melahirkan bayi lelaki dan meletakkannya dalam beg plastik di tepi jalan berhampiran Masjid Jamiul Huda, Kampung Api-api, Bukit Rotan, di sini, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Azaharudin Tajudin berkata, siasatan lanjut masih diteruskan termasuk melakukan pemerik-

saan di setiap hospital atau klinik swasta.

"Setakat ini, polis belum mengenal pasti identiti ibu atau individu yang meletakkan bayi malang itu serta tiada tangkapan dibuat.

"Pada masa sama, perbuatan itu sukar dikesan kerana tiada rakaman kamera litar tertutup (CC-TV) di lokasi kejadian," katanya ketika dihubungi, semalam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis giat kenal pasti ibu buang bayi dalam beg plastik di tepi jalan

🕒 29 Jun 2025, 3:56pm



KUALA SELANGOR: Polis sedang mengenal pasti individu yang melahirkan bayi lelaki dan meletakkannya dalam beg plastik di tepi jalan berhampiran Masjid Jamiul Huda, Kampung Api-api, Bukit Rotan, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Azaharudin Tajudin berkata, siasatan lanjut masih diteruskan termasuk melakukan pemeriksaan di setiap hospital atau klinik swasta.

"Setakat ini, polis belum mengenal pasti identiti ibu atau individu yang meletakkan bayi malang itu, serta tiada tangkapan dibuat.

"Pada masa sama, perbuatan itu sukar dikesan kerana tiada rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi kejadian," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Pada masa sama, Azaharudin memaklumkan bayi lelaki terbabit masih dirawat di Hospital Tanjong Karang.

Semalam, media melaporkan bayi seberat 2.135 kilogram itu ditemukan masih bernyawa, matang dan cukup sifat berusia kira-kira seminggu.

Tali pusatnya juga dalam keadaan sempurna.

Susulan itu, polis membuka kertas siasatan berhubung kejadian mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan.